



# Istiadat Konvokesyen UniMAP

Bulan Ogos - bulan sinonim dengan Istiadat Konvokesyen Universiti Malaysia Perlis. Sejak istiadat pertama pada tahun 2006 yang lalu, sehingga ke tahun ini yakni istiadat kelima, bulan Ogos kekal menjadi bulan rasmi bagi majlis terbesar dalam kalender sesebuah universiti.



Tarikh 7 Ogos 2010 dipilih sebagai tarikh keramat bagi meraikan 1,176 orang graduan yang bakal menerima Ijazah masing-masing baik Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana, atau Ijazah Doktor Falsafah.

Dengan jumlah terbaru ini, UniMAP secara rasminya telah melahirkan sejumlah 8,056 orang graduan pelbagai peringkat sepanjang 8 tahun penubuhannya dan pada tahun ini, Istiadat konvokesyen diadakan dalam dua sidang iaitu sidang pagi dan petang.

DYTM Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizudin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, yang juga Canselor UniMAP berkenan hadir menyempurnakan kedua-dua sidang istiadat. Turut berangkat hadir, DYTMM Raja Puan Muda, Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil yang juga Pro-Canselor UniMAP.

Naib Canselor UniMAP, Brig. Jen. Dato Prof. Dr. Kamarudin Hussin berkata, beliau amat berpuas hati kerana dapat bersama-sama UniMAP dari istiadat Konvokesyen yang pertama yang menyaksikan 119 orang graduan menerima ijazah pertama masing-masing hingga ke istiadat yang kelima ini.

"Alhamdulillah, pada tahun ini, UniMAP melahirkan 7 graduan bakal ditauliahkan Ijazah Doktor Falsafah, 30 Ijazah Sarjana, 911 Ijazah Sarjana Muda serta 229 penerima Diploma. Insyaallah, UniMAP akan terus melahirkan graduan yang bersepada iaitu mereka yang cemerlang dari segi pencapaian akademik dan mempunyai personaliti unggul, berketrampilan, mempunyai akar umbi serta jatidiri bangsa Malaysia yang mantap, berdisiplin dan menjadi contoh dan *'role model'* kepada keluarga, masyarakat dan negara," ujar beliau.

Namun, penyampaian anugerah tertinggi iaitu Anugerah Emas Diraja hanya membabitkan satu penerima sahaja iaitu graduan Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar, Tan Chen Yau. Seorang lagi penerima, Mohd. Abdul Hafiz Zakaria tidak dapat menerima anugerah tertingginya pada istiadat tersebut berikutan kematian ibu tersayang pada malam sebelum istiadat berlangsung.

Bagaimanapun, satu majlis khas telah diadakan di Bilik VVIP Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur pada 9 Ogos dengan disempurnakan oleh DYTMM Tuanku Canselor dan Tuanku Pro-Canselor UniMAP.



# 1,176 GRADUAN TERIMA IJAZAH

Mohd. Abdul Hafiz ketika ditemui pada majlis tersebut tidak menyangka Tuanku Canselor berkenan untuk menganjurkan satu majlis khas khusus bagi menyampaikan sendiri pingat dan ijazah yang sepatutnya diterimanya di pentas Konvokesyen UniMAP.



"Sewaktu menerima panggilan telefon daripada Dato Kamarudin (Naib Canselor) saya hanya terfikir mungkin beliau ingin memaklumkan bahawa saya perlu hadir mengambil pingat dan ijazah di Perlis. Tetapi sebaik sahaja dimaklumkan bahawa Tuanku Canselor berkenan untuk menyerahkan sendiri pingat tersebut dalam satu majlis khas di Kuala Lumpur, saya tidak mampu menahan air mata kegembiraan. Sungguh bertuah rasanya mempunyai seorang Canselor yang berjaya rakyat sebegini," katanya.



Sementara itu, pada Majlis Santapan Malam Sempena Istiadat Konvokesyen Ke-5 yang diadakan pada 6 Ogos 2010, UniMAP turut melakar sejarah apabila memeterai 21 lagi kerjasama strategik dengan Institusi Pendidikan dan Pengajian Antarabangsa serta rakan industri dan pendidikan tempatan. Prof. Dr Kamarudin berharap, semoga dengan kerjasama yang telah dimeterai ini akan membolehkan UniMAP terus unggul di persada pendidikan negara sekaligus mencapai sasaran menjadi antara 500 universiti terbaik dunia menjelang tahun 2015.

Turut mengisi agenda majlis yang berkonseptan dalam taman itu ialah pelancaran buku-buku penerbitan UniMAP serta penyampaian hadiah dan anugerah kepada graduan yang cemerlang.

